

SOALAN NO.: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Seri Tiong King Sing
[BINTULU]

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah peruntukan khas disediakan untuk menaik taraf jalan-jalan ladang yang dikongsi bersama pemilik ladang dan pengguna jalan iaitu orang awam seperti penduduk-penduduk rumah panjang yang tinggal di pedalaman ladang.

141

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa menyokong usaha-usaha bagi membantu pekebun kecil khususnya di kawasan pedalaman dengan menyediakan jalan-jalan ladang. Walau bagaimanapun, projek Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) di bawah MPIC ianya meliputi jalan ke kebun / ladang komoditi milik pekebun-pekebun kecil persendirian yang dikendali dan diselia oleh Agensi-agensi MPIC bagi tujuan mengangkut input pertanian dan mengeluarkan hasil tanaman oleh pekebun kecil persendirian termasuk orang awam seperti penduduk-penduduk rumah panjang yang tinggal di pedalaman ladang.

Sekian, terima kasih.